

MAHATHIR-TUDUHAN

EMBARGO: SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI (12 DIS.)

1983

KUALA LUMPUR, 12 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAM INI KERAJAAN AKAN MENENTANG SEBARANG TUDUHAN YANG MELULU DAN TIDAK BERASAS YANG SENGAJA DIBESAR-BESARKAN OLEH AKHBAR-AKHBAR UNTUK MENARIK MINAT PEMBACA ATAU KEMASYHURAN PEMBERITA-PEMBERITA TERTENTU.

+SEBARANG NIAT BURUK SEPERTI INI, SEKIRANYA TERDAPAT, AKAN DITENTANG,+ KATANYA SEMASA BERUCAP DI MAJLIS MALAM WARTAWAN DI SEBUAH HOTEL DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA PENULISAN-PENULISAN YANG DAPAT MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH MENINGKATKAN LAGI TAHAP PENCAPAIAN DALAM BIDANG SOSIAL, EKONOMI, POLITIK, KEMASYARAKATAN DAN LAIN-LAIN HENDAKLAH DIBERI TUMPUAN DAN KEUTAMAAN.

WALAU BAGAIMANAPUN, INI TIDAK BERERTI BAHAWA BERITA DAN RENCANA YANG KRITIKAL DAN MENEGUR TIDAK SEHARUSNYA DITERBITKAN, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI PENDIRIAN KERAJAAN YANG SEDIA MENERIMA TEGURAN, KRITIKAN DAN PENDEDAHAN DAN SENTIASA MEMBERI PERHATIAN TERHADAPNYA. -- LAGI 1625/ZI

ZCZC B374:

MAHATHIR-TUDUHAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+KAMI ANGGAPKAN PENDEDAHAN DAN TEGURAN INI SEBAGAI SATU JENIS MAKLUM-BALAS YANG PERLU DIKAJI, DAN SEKIRANYA DIDAPATI BENAR, KAMI AKAN BERUSAHA UNTUK MEMBETULKAN KEADAAN,+ TEGASNYA.

KATANYA MEMANG TERDAPAT DALAM AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN BUKAN SAHAJA TEGURAN TETAPI JUGA PENDEDAHAN DARI SEMASA KE SEMASA MENGENAI SESUATU KELEMAHAN ATAU PENYELEWENGAN YANG BERLAKU.

+MEDIA MASSA HENDAKLAH SENTIASA MENENTUKAN BAHAWA SEBARANG PENULISAN, RENCANA DAN LAPORAN YANG DIBUAT HENDAKLAH OBJEKTIF, SEIMBANG DAN MEMBINA UNTUK MENGELAKKAN DARIPADA BERLAKUNYA SEBARANG KEMUSYKILAN DI KALANGAN RAKYAT,+ TEGAS BELIAU LAGI.

MENURUTNYA MEDIA MASSA DAN PARA WARTAWAN, TERUTAMA DALAM NEGARA MEMBANGUN. MEMPUNYAI PERANAN YANG TERTENTU DAN SEPERTI GOLONGAN PROFESIONAL LAIN MEREKA JUGA MEMIKUL BEBAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG BERAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM MASYARAKAT MAJMUK SEPERTI DI MALAYSIA PARA WARTAWAN DAN MEDIA MASSA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB YANG LEBIH BESAR UNTUK MEMASTIKAN AGAR KEGIATAN MEREKA TIDAK BERCANGGAH DAN TIDAK MENGHALANG ARUS PEMBANGUNAN NEGARA. -- LAGI 1630/ZI

MAHATHIR-TUDUHAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MERAKAMKAN PENGHARGAAN KERAJAAN KEPADA MEDIA MASSA NASIONAL ATAS PERANAN DAN KHIDMAT MEREKA DAN MENSIFATKAN PADA KESELURUHANNYA MEDIA MASSA NASIONAL TELAH MENJALANKAN TUGAS Masing-masing dengan penuh tanggungjawab, sensitif terhadap persekitaran di mana mereka bergerak serta berhati-hati dan cermat dalam laporan-laporan yang dibuat.

+SEBAGAI CONTOH, AKHBAR-AKHBAR DAN PARA WARTAWAN TELAH BERHATI-HATI APABILA MEMBUAT LAPORAN MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN DAN MEREKA TELAH MENUNJUKKAN KEDEWASAAN DAN KEMATANGAN DALAM MEMBUAT LAPORAN MENGENAI PERKARA TERSEBUT,+ JELASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN TERDAPAT PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG MEMPUNYAI BERBECAM CERITA YANG LUNAK, YANG MENGGHAIRAHKAN DAN YANG SENGAJA DISEBARKAN DENGAN TUJUAN UNTUK MENDAPAT TEMPAT DI DALAM AKHBAR-AKHBAR, TETAPI AKHBAR-AKHBAR NASIONAL TIDAK RELA MEMAKAN UMPAN ITU.

+INI ADALAH BUKTI YANG JELAS TENTANG PROFESIONALISME PARA WARTAWAN KITA. MEREKA TIDAK RELA MENJADI ALAT KEPADA GOLONGAN YANG MEMPUNYAI TUJUAN-TUJUAN TERTENTU YANG BERTENTANGAN DENGAN KEHENDAK RAMAI,+ KATANYA.

WALAUPUN CERITA-CERITA SEUMPAMA ITU SEDAP DJIBACA DAN SUDAH TENTU AKAN MELARISKAN JUALAN AKHBAR TETAPI AKHBAR-AKHBAR NASIONAL TIDAK MUDAH DIPENGARUHI, TAMBAHNYA. -- LAGI 1635/ZI

MAHATHIR-TUDUHAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+MEDIA MASSA KITA BENAR-BENAR SEDAR AKAN TANGGUNGJAWAB UTAMA MEREKA KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA. SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN,+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENEGUR AKHBAR-AKHBAR DAN MAJALAH-MAJALAH YANG MENYIARKAN CERITA-CERITA SERAM, HANTU DAN BERMACAM-MACAM LAGI PERKARA GANJIL DAN GHAIB.

AKIBAT PERBUATAN ITU, KATANYA, PEMBACA MEREKA DAN MASYARAKAT MELAYU TERUTAMANYA JADI TAKUT KEPADA BAYANG-BAYANG DAN MEREKA NAMPAK HANTU DI MANA-MANA SAHAJA.

+RAMAI DARI MURID PEREMPUAN SEKOLAH MELAYU, TERUTAMA YANG BERASRAMA SERING DILANDA HISTERIA, MENJERIT-JERIT DENGAN KETAKUTAN. ADA KALANYA SEKOLAH TERPAKSA DITUTUP DAN POKOK TERPAKSA DITEBANG,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KESAN DARI PUPUKAN KEPERCAYAAN KEPADA HANTU DAN LAIN-LAIN MAKHLUK KHAYALAN IALAH MASYARAKAT YANG HIDUP DALAM KETAKUTAN.

MASYARAKAT YANG HIDUP DALAM KETAKUTAN TIDAK MUNGKIN BERJAYA, BAHKAN TIDAK MUNGKIN MEMPERTAHANKAN DIRI, KATANYA SAMBIL MENAMBAH KEKALAHAN ORANG MELAYU DALAM PEPERANGAN DAHULU KALA BERASAS KEPADA KEPERCAYAAN BAHWA MUSUH MEREKA MEMPUNYAI KUASA GHAIB. -- LAGI

MAHATHIR-TUDUHAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+INI MENGHAPUSKAN KEPERCAYAAN KEPADA KEMAMPUAN DIRI SENDIRI. DENGAN ITU MAKA MUDAHLAH MEREKA DITEWASKAN,+ TEGASNYA.

BELIAU MERAYU KEPADA AKHBAR DAN MAJALAH BERKENAAN SUPAYA TIDAK MENGGUNAKAN JALAN YANG MUDAH UNTUK MENDAPAT PELANGGAN.

+KITA AKAN KESAL KEMUDIAN HARI JIKALAU KERANA HENDAK MENJUAL SURAT KHBAR, KITA JADIKAN ORANG MELAYU BANGSA YANG KOLOT YANG TAKUT KEPADA BAYANG-BAYANG,+ KATANYA. -- BERNAMA 1642/II